

22 JUL 2003

Abdullah-Belia (Bergambar)

ABDULLAH BERIKRAR TERUSKAN PROGRAM UNTUK GOLONGAN BELIA

ALOR STAR, 22 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berikrar akan meneruskan setiap program pembangunan belia bagi memastikan mereka berkemampuan meneruskan agenda pembangunan negara.

Beliau berkata golongan belia sebagai pewaris kepimpinan negara amat wajar diberi persediaan yang mencukupi dalam setiap aspek untuk menghadapi cabaran masa depan yang semakin sukar.

"Saya akan teruskan apa yang baik dan elok untuk golongan belia, inilah pendirian kerajaan," katanya pada majlis pelancaran Kempen Perangi Dadah Habis-habisan dan "Ops Sapu Bersih" Umno Berkampung di Taman Rekreasi Gunung Keriang, dekat sini.

Abdullah berkata golongan belia sebagai pewaris kejayaan negara harus dibekalkan dengan kekuatan yang paling ampuh yang berteraskan ilmu pengetahuan, kecekapan, kemahiran dan disiplin di kalangan generasi muda.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah contoh bagaimana ciri-ciri baik membolehkan seorang pemimpin menghadapi cabaran besar seperti krisis mata wang pada 1997 dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) baru-baru ini.

Abdullah berkata perkembangan di pentas antarabangsa akhir-akhir ini termasuk masalah keganasan yang perlu ditangani secara bijaksana.

"Syukur, Alhamdulillah, dengan kepimpinan negara yang bijaksana diterajui oleh Dr Mahathir kita tetap dalam keadaan selamat," kata beliau.

Bagaimanapun sudah menjadi lumrah proses peralihan kuasa tetap berlaku dari golongan tua kepada generasi muda dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mempersiapkan mereka mewarisi kepimpinan negara ini.

"Kalau ditakdirkan Allah, selepas Oktober ini saya pula akan menggantikan Dr Mahathir. Apa yang saya mahu buat ialah apa yang baik akan saya teruskan," kata beliau.

Kerajaan akan menjalankan tanggungjawabnya melatih rakyat yang bermutu dan berkemampuan untuk mengambil alih kepimpinan di segenap bidang dan lapisan.

Katanya, amat penting golongan belia diberi persediaan yang mencukupi dalam setiap aspek supaya negara kekal selamat, aman, maju di samping mampu mengekalkan perpaduan antara kaum.

Timbalan Perdana Menteri berkata bangsa yang mengabaikan golongan belia akan menjadikan negara itu tidak mempunyai makna di samping bakal menghadapi banyak kesusahan.

Kempen berkenaan yang dikelolakan oleh Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) membabitkan anggota pertubuhan-pertubuhan belia dari seluruh negeri yang menjalani kem kepimpinan selama tiga hari.

"Ops Sapu Bersih" Umno Berkampung akan diadakan di setiap satu daripada 15 kawasan Parlimen di negeri ini dibarisi dengan program-program untuk faedah masyarakat tempatan yang dikendalikan secara bersama oleh seluruh bahagian-bahagian Umno negeri ini. Setakat ini dua bahagian iaitu Padang Serai dan Kuala Kedah sudah menganjurkan ops berkenaan.

-- BERNAMA

MAN MNH ZS PR